# Hubungan Amalan Pengurusan Sumber Manusia Dan Komitmen

***Sejak sekian lama diperdebatkan berkenaan kualiti perkhidmatan. Namun sukar ditemui buku-buku berkenaan pengurusan kualiti yang membincangkan model dan peranan perpustakaan akademik dalam menyokong institusi pendidikan. Oleh itu buku ini ditulis hasil penelitian dan kajian penulis yang agak lama berkenaan pengurusan perpustakaan akademik. Buku ini dimasukkan beberapa model pengurusan kualiti yang berguna kepada sesebuah perpustakaan, khususnya kepada perpustakaan akademik. Seperti model Pengurusan Kualiti ISO 9001, Malcolm Baldridge National Quality Award (MBNQA) dan The European Quality Award (EFQA). Dari segi aplikasi, buku ini amat baik dijadikan sumber rujukan kepada pegawai perpustakaan kerana ianya turut menghuraikan bagaimana pengurusan kualiti dalam senario perpustakaan sebagai sumber maklumat. Buku ini turut mengenengahkan falsafah-falsafah kualiti. Malahan bagi melengkapkan falsafah-falsafah kualiti tersebut, buku ini juga menghuraikan berkenaan anugerah-anugerah kualiti, termasuklah anugerah perpustakaan cemerlang. Buku ini juga boleh digunakan bagi memastikan perpustakaan akademik berjaya menyokong dalam pencapaian transformasi pengajian tinggi negara. Bagi merealisasikan kualiti perkhidmatan yang***

*baik dapat ditawarkan oleh sesebuah perpustakaan, buku ini boleh dijadikan rujukan. Buku ini disusun dengan mudah supaya pembaca dapat memahami keseluruhan topik yang dibincangkan dengan senang.*

*Selepas lebih 30 tahun orang Melayu diberi keistimewaan di bawah tiga dasar nasional - Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan Dasar Pembangunan Wawasan (2001-2010) - masalah ekonomi Melayu masih belum mampu diatasi secara tuntas.*

*TQM merupakan satu falsafah pengurusan yang bermatlamatkan penambahbaikan produk atau perkhidmatan yang berterusan bagi memastikan kepuasan pelanggan terus dipertingkatkan. Secara konvensional TQM memberi penumpuan kepada sentuhan teknikal seperti kawalan proses secara statistik, analisis reliabiliti dan reka bentuk produk yang dianggap begitu penting kepada pembaikan kualiti. Pendekatan ini dilihat sebagai lebih 'keras' kerana lebih berorientasikan kuantitatif, penepatan sasaran kerja yang jelas dan penyelesaian permasalahan yang lebih berstruktur serta bersistematik. Kesan daripada situasi ini menjadikan pembangunan organisasi lebih mudah dijangka dan jika pengurus menyedari berlakunya kesilapan adalah lebih mudah bagi mereka untuk berpatah balik dengan membuat penyusunan semula proses dan struktur yang difikirkan lebih sesuai. Justeru, buku Strategi TQM: Dwidimensi ini menghuraikan beberapa aspek yang penting untuk tatapan dan pemahaman para pembaca khususnya dari sudut kualiti.*

***Aplikasi Teknologi Dalam Kearifan Tempatan (Penerbit USM)***
***Integriti institusi sosial***
***Hubungan amalan pengurusan sumber manusia dan komitmen organisasi***
***Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia***
***Mengurus Sumber di Sekolah***

Buku ini disediakan khusus untuk pengurus dan bakal Pengurus Muslim dan juga bukan Muslim. Bagi pengurus dan bakal Pengurus Muslim kehadiran buku ini akan mengembalikan dan mengukuhkan keyakinan mereka bahawa Islam adalah agama yang syumul. Buku ini juga turut membincangkan isu-isu berkaitan dengan pengurusan perniagaan yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian. Sementara itu, bagi pengurus dan bakal pengurus daripada kalangan bukan Muslim, kehadiran buku ini akan membolehkan mereka membuat perbandingan antara pendekatan pengurusan perniagaan lazim dengan pengurusan perniagaan Islam. Perlu ditegaskan nilai-nilai yang terdapat dalam pengurusan perniagaan Islam perlu didedahkan, diambil faedah dan dieksploit bagi membolehkan setiap pengurus dan bakal pengurus sama ada dalam kalangan Muslim dan bukan

Muslim untuk lebih bersedia mengambil faedah daripada kelebihan yang terdapat dalam pengurusan perniagaan Islam. Bagi mencapai tujuan murni ini, buku ini akan membongkar kekuatan yang dimiliki dalam pengurusan perniagaan Islam yang pernah diamalkan dan telah terbukti berjaya membawa kemakmuran hakiki kepada manusia sejagat untuk selama hampir 1,000 tahun.

Human resources management related to career development and strategic business planning issues in Malaysia.

Issues on social institutions in Malaysia; collection of articles.

Pengurusan & Amalan Kerja Sosial (UUM Press)

Kajian amalan pengurusan sumber manusia dalam industri perhotelan

Hubungan amalan pengurusan sumber manusia dan tingkahlaku perkongsian pengetahuan di kalangan guru-guru di sekolah daerah Manjung

Teori dan Praktis Perhubungan Perusahaan di Malaysia (UUM Press)

Isu kualiti & produktiviti

Manusia merupakan salah satu elemen penting bagi kewujudan sesebuah organisasi, selain daripada usaha bersama dan matlamat yang ditetapkan. Sumber manusia pula menjadi salah satu daripada dua sumber penting, selain sumber bukan manusia yang akan menggerakkan proses pengurusan sesebuah organisasi. Berdasarkan kedudukan itu, adalah menjadi keperluan bagi organisasi untuk memberikan perhatian tentang aspek kuantiti dan kualiti sumber manusia dalam sebuah organisasi. Dari segi kuantiti, manusia merupakan sebahagian daripada modal untuk mewujudkan organisasi. Organisasi perlu membawa masuk modal insan, selain faktor-faktor modal yang lain seperti kewangan, aset dan sebagainya. Dari segi kualiti pula, organisasi perlu memberikan tumpuan kepada aspek pengurusan sumber manusia agar modal insan tadi dapat memenuhi keperluan organisasi. Sumber manusia yang diambil perlu diuruskan dengan sebaiknya, bermula daripada proses merekrut sehinggalah mereka keluar daripada organisasi. Ini melibatkan tiga tahap penting iaitu pengambilan, penggunaan dan persaraan (pemberhentian). Buku ini membincangkan tentang sumber manusia dan dinamik hubungannya di dalam dan dengan persekitaran organisasi yang menjalankan fungsi dan peranan masing-masing. Perbincangan memberikan tumpuan utama kepada tahap kedua yang melibatkan penggunaan sumber manusia dalam

organisasi, iaitu aspek penggunaan sumber manusia. Tahap ini menjelaskan tentang pelbagai interaksi manusia yang berlaku dalam organisasi. Corak interaksi manusia ini berlaku dalam pelbagai bentuk, terarah secara menegak, mendatar dan matriks. Corak interaksi ini dikenali sebagai hubungan manusia dalam organisasi.

1; Budaya dalam masyarakat - 2; Budaya dalam organisasi - 3; Budaya di tempat kerja intrabudaya - 4; Budaya di tempat kerja antara budaya - 5; Budaya di tempat kerja silang budaya - 6; Cabaran di tempat kerja Malaysia - 7; membuat penilaian - 8; Kesimpulan : Kembali ke arah kita.

Quality strategy with management control system in Malaysian industry.

Psikologi Industri dan Pengurusan Sumber Manusia

pengurusan sumber manusia dan kerjaya

Strategi TQM: Dwidimensi (UUM Press)

Hubungan Malaysia Jepun: Diplomasi dan Pendidikan (Penerbit UM)

Hubungan amalan pengurusan sumber manusia dengan prestasi operasi organisasi

**Tema utama buku ini ialah mengenai hubungan Malaysia-Jepun dalam tempoh 1957-1990-an dalam bidang diplomasi, ekonomi dan pendidikan. Dua aspek yang diberi perhatian oleh penulis ialah hubungan diplomasi dan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan. Hubungan diplomasi yang dimaksudkan turut melibatkan hubungan dua hala dalam aspek**

**ekonomi, perdagangan, pelaburan, bantuan luar dan kerjasama antara kedua-dua negara dan pada peringkat serantau (ASEAN). Sungguhpun begitu, isu ini hanya difokuskan dalam tempoh 1957-1970-an manakala hubungan dan kerjasama Malaysia – Jepun pada tahun 1980-an dan seterusnya lebih tertumpu kepada aspek pendidikan dan latihan. Penulis mengambil pendekatan mengasingkan perbincangan mengenai dua isu mengikut tempoh tertentu kerana berpendapat ianya dapat menekankan dua isu yang berlainan pada latar belakang masa yang berbeza namun masih mempunyai kaitan dan saling berhubung kait. Isu penting lain yang turut diperkatakan termasuklah faedah-faedah dan kelemahan yang wujud sepanjang hubungan kedua-dua buah negara.**

**Buku ini merupakan himpunan artikel yang dihasilkan oleh ahli akademik daripada Program Pengurusan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Ianya dihasilkan bagi memperkasa lagi bahan bacaan ilmiah dalam bahasa kebangsaan berkaitan kerja sosial di negara ini. Buku ini memaparkan dan mengupas pelbagai isu yang berkait rapat dengan pengurusan dan amalan kerja sosial. Buku ini juga mengajak pembaca memahami dan meneliti aspek pengurusan, teori dan amalan kerja sosial yang menjurus kepada pelbagai golongan sasaran dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan ini. Antara tajuk yang dibincangkan ialah dasar sosial, pentadbiran organisasi kerja sosial, kebajikan sosial kanak-kanak, kerja sosial di sekolah, kelompok kecil,**

**penglibatan ibu bapa dan kanak-kanak istimewa, remaja dan juvenil, penagihan bahan, stigma dan AIDS serta kepentingan pembelajaran reflektif dalam pendidikan kerja sosial.**

**Perubahan persekitaran pekerjaan pada peringkat global dan tempatan telah membawa perubahan kepada tingkah laku dan pemikiran pekerja. Keadaan ini memerlukan transformasi pengurusan sumber manusia agar potensi dan bakat yang dimiliki oleh pekerja dapat dimaksimumkan bagi memberikan perkhidmatan yang bernilai tinggi kepada masyarakat. Bakat dan potensi pekerja dapat dimaksimumkan dengan kemudahan teknologi dan Internet yang telah mengubah cara pemikiran dan interaksi antara pekerja sesama pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain. Berasaskan kepada sumber manusia sebagai aset penting organisasi, buku ini membincangkan peringkat transformasi yang berlaku dalam organisasi dengan memberi pendedahan pada peringkat awal dari segi konsep, perkembangan dan pengaruh persekitaran kerja yang dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja. Transformasi ini diikuti oleh peringkat pertengahan berkaitan dengan fungsi, pendekatan, proses dan teknik dalam mengurus sumber manusia berserta rujukan kes semasa yang bersesuaian. Peringkat akhir transformasi ini membincangkan strategik pengurusan sumber manusia yang boleh dilakukan oleh pembuat dasar dalam merangka program yang bersesuaian untuk kesejahteraan pekerja. Strategi yang relevan dengan**

**keperluan pekerja perlu diberi perhatian bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh pekerja diberi penghargaan dan dikongsi dengan pekerja yang lain, terutama pengetahuan tasit.**

**Managing Professional Development in Schools**

**EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi**

**Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu dan Pelaksanaan (UUM Press)**

**Agenda perubahan**

**projek pendidikan**

Buku ini memberi tumpuan kepada persekitaran hubungan majikan-pekerja, pihak yang terlibat dalam perhubungan perusahaan, proses perundingan kolektif, perjanjian kolektif, pertikaian industri, tindakan industri, menguruskan disiplin pekerja, kontrak pekerjaan dan penamatan kontrak pekerjaan Di samping itu, berdasarkan kepada amalan pekerjaan di Malaysia, beberapa bab di dalam buku ini membincangkan trend semasa atau isu-isu dasar dalam pengurusan pekerja di Malaysia. Buku ini membincangkan secara menyeluruh dari segi topik dalam bidang perhubungan perusahaan berdasarkan amalan di Malaysia yang menjadi asas kepada analisis yang lebih mendalam berkenaan isu-isu di dalam bidang perhubungan perusahaan. Buku ini turut menawarkan bahan tambahan yang direka untuk memberi tumpuan dan realisme kepada kajian berkenaan sistem perhubungan perusahaan di Malaysia. Buku ini sesuai untuk pelajar di pelbagai peringkat sama ada di peringkat Sarjana Muda dan Pasca Siswazah kerana ia menjelaskan fakta, proses, prosedur serta perundangan yang

bersesuaian dengan topik yang dibincangkan. Selain itu, buku ini juga sesuai untuk dijadikan bahan rujukan oleh pengamal pengurusan sumber manusia di dalam industri kerana buku ini memberi tumpuan kepada prinsip, peruntukan akta dan kes-kes mahkamah yang boleh membantu untuk memahami tanggungjawab majikan dan hak-hak pekerja di tempat kerja.

Hubungan amalan pengurusan sumber manusia dengan prestasi operasi organisasisatu kajian empirikalHubungan amalan pengurusan sumber manusia dan komitmen organisasiKajian amalan pengurusan sumber manusia dalam industri perhotelanhubungan kepimpinan, motivasi, latihan dan pembangunan dengan komitmen dan kesetiaan di hotel bertaraf 3 bintang di Kuching, Sarawak

The purpose of this research is to carry out a study on the practice of the selected human resource management, from the aspects of leadership, motivation, training and development with the commitment of the organisation and the sense of loyalty towards the organisation in the three star hotel industry in Kuching, Sarawak.

Perusahaan Kecil dan Dilema Usahawan Melayu

Etika dan amalan perniagaan

Massa

Perhubungan media di Malaysia (Penerbit UM)

beberapa pendekatan sains sosial

**Panduan-panduan praktikal bagi membangunkan sekolah dengan sumber yang ada**

dengan cara yang lebih efektif.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara seperti membuka peluang pekerjaan dan memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan serta nilai tambah kepada sektor perkhidmatan dan perkilangan. Berdasarkan kepada kepentingan PKS, maka wujud keperluan untuk mengkaji serta memahami tentang PKS dan seterusnya berusaha untuk memastikan kelangsungan PKS. Di Malaysia, perbincangan tentang PKS turut mendapat perhatian daripada pihak kerajaan, ahli akademik dan pihak-pihak yang berkaitan. Antara isu yang sering diberikan perhatian adalah berkenaan peranan PKS dalam pembangunan sosioekonomi, penglibatan wanita dan komuniti, amalan-amalan perniagaan yang baik serta kepentingan penggunaan teknologi dan inovasi dalam PKS. Namun, pada masa yang sama isu dan cabaran yang dihadapi oleh PKS perlu diberikan perhatian dan diatasi agar PKS di Malaysia dapat berkembang maju. Buku ini menghimpunkan lapan bab dengan memberikan tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan dengan PKS. Buku suntingan ini sesuai dijadikan sebagai sumber rujukan dan bacaan umum kepada pensyarah, penyelidik, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah mahupun mereka yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan PKS.

Dawah (Islam) and management of religious aspects in Malaysia.

Ke arah glokal

Pengurusan sumber manusia menghadapi cabaran era pengetahuan

Pengurusan Kualiti dan Perpustakaan: Ke Arah Transformasi Pengajian Tinggi Negara (UUM Press)

**Pengurusan Kualiti Menyeluruh dalam Pendidikan: Teori dan Amalan di Sekolah (UUM Press)**

**Pembangunan organisasi di Malaysia**

Buku ini mengupas tentang perundangan berkaitan sumber manusia dan tadbir urus organisasi sektor awam dan swasta di Malaysia. Penulisan dalam buku ini dibincangkan mengikut tema yang khusus bermula dengan perspektif hubungan majikan dan pekerja, isu-isu perundangan dalam perhubungan pekerjaan dan tadbir urus pekerja di sektor awam. Buku ini mampu menyediakan pembaca dengan maklumat dan panduan berkaitan isu-isu kontemporari tadbir urus dan sumber manusia secara ilmiah. Kebelakangan ini, pelbagai bentuk cabaran timbul dalam menguruskan sumber manusia di sesebuah organisasi, sama ada organisasi awam ataupun swasta. Segala isu dan permasalahan berkaitan dengan sumber manusia perlu ditangani dan diuruskan dengan sebaiknya. Paling penting, ia hendaklah berpandukan kepada perundangan sedia ada memandangkan perhubungan majikan dan pekerja adalah berbentuk perhubungan yang terkawal serta berada di bawah pemantauan undang-

undang. Justeru, undang-undang adalah satu aspek yang tidak boleh dielakkan dalam menguruskan sumber manusia. Buku ini bukan sahaja mensasarkan golongan pekerja, malah meliputi majikan, pengurus, pelajar dan mereka yang bakal menempuh alam pekerjaan untuk memahami isu-isu yang berkaitan. Walaupun berkonsepkan perundangan, maklumat dan kupasan isu-isu dikemukakan menerusi pendekatan umum dan bersifat santai bagi memudahkan kefahaman pembaca. Hal ini sekali gus dapat mendekatkan pembaca dengan bidang undang-undang.

Buku Pengurusan Kualiti Menyeluruh dalam Pendidikan: Teori dan Amalan di Sekolah menghuraikan isu pengurusan kualiti dalam pendidikan, khasnya bagi aplikasi pengurusan kualiti di sekolah ke arah menjana kecemerlangan pendidikan. Perbincangan buku ini meliputi pengertian dan konsep kualiti, para pelopor terkenal dalam bidang kualiti seterusnya konsep serta aplikasi TQM dalam pendidikan, berserta konstruk dan dimensi penting TQM yang menyumbang kepada kecemerlangan sekolah. Para pembaca kemudiannya didedahkan dengan tahap amalan TQM dan tahap iklim sekolah

dalam realiti sebenar kehidupan di sekolah, faktor yang menyokong dan menghalang amalan pelaksanaan TQM di sekolah seterusnya menyelusuri pendekatan serta konsep pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) serta sistem pengurusan kualiti yang terdapat dalam pendidikan di Malaysia. Turut diketengahkan model sekolah cemerlang yang menghubungkan kedua-dua pemboleh ubah amalan TQM dan iklim sekolah berserta dimensi utama yang menyumbang kepada budaya kerja berkualiti dalam merealisasikan kecemerlangan sekolah. Buku ini merupakan salah satu siri penerbitan yang ditulis khas bagi membantu para pelajar memahami kajian mengenai bidang Kepimpinan Instruksional. Secara umumnya, buku ini memberi maklumat dan akses secara pantas mengenai tesis dan disertasi yang telah dihasilkan oleh para pelajar Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya. Secara tidak langsung, ia memudahkan proses pencarian tesis dan disertasi bagi tujuan rujukan daripada kod QR yang dipaparkan pada penghujung setiap bab. Pelajar lepasan ijazah pada masa hadapan akan mendapati buku ini berguna kepada mereka. Buku

ini membincangkan persoalan yang sering ditanya oleh para pelajar: Apakah kajian yang pernah dilakukan? Apakah kajian yang diperlukan? Apakah latar belakang teori dalam kajian yang diminati? Buku ini akan memberi manfaat kepada mereka dalam usaha menulis satu kajian yang berkualiti tinggi.

Pengurusan Enterprise Kecil dan Sederhana (UUM Press)

Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia

Dinamik Hubungan Manusia dalam Organisasi (UUM Press)

Aku Mahu Naik Pangkat

Semakin ramai masyarakat dan organisasi di seluruh dunia menyedari nilai dan kepentingan kearifan tempatan serta kepentingan pemeliharaannya untuk generasi akan datang. Kini, pusat pengetahuan kearifan tempatan ditubuhkan di kebanyakan negara bagi menghidupkan semula budaya tempatan yang hampir pupus. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat UNESCO dalam RIO+20 untuk mengiktiraf kepentingan kearifan tempatan dan asli. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2005 turut menyatakan keperluan penyebaran maklumat, menyediakan pangkalan data dan menerbitkan kajian berkaitan kearifan tempatan dalam format elektronik dan cetakan. Demi merealisasikan usaha ini, peranan dan

fungsi teknologi maklumat perlu ditingkatkan bagi membantu dalam penyediaan kemudahan perkongsian maklumat, pengenalpastian kaedah merekod yang berkesan dan penyebaran pengetahuan tempatan dalam kalangan masyarakat serta seterusnya penyediaan kemudahan rangkaian global untuk perkongsian kearifan tempatan. Buku Aplikasi Teknologi dalam Kearifan Tempatan ini diterbitkan sebagai satu usaha untuk mengetengahkan peranan teknologi maklumat dalam melestarikan kearifan tempatan. Adanya bahan bacaan dan rujukan yang bersesuaian seperti ini diharapkan dapat membantu proses melestarikan kearifan tempatan melalui pendekatan rentas bidang.

Komunikasi dan budaya mempunyai hubungan simbiosis yang membentuk struktur dan ciri sosial dalam sesuatu masyarakat. Sehingga kini himpunan rencana yang membincangkan peranan komunikasi dan sosiobudaya di Malaysia masih lagi agak terbatas. Buku ini secara khususnya membincangkan secara terperinci tentang aspek komunikasi dan sosiobudaya di Malaysia. Hubungan komunikasi dan sosiobudaya melalui kajian empirikal dengan pembentukan model komunikasi serta budaya yang bersesuaian dengan konteks organisasi dan sosial di Malaysia menjadi fokus utama buku ini. Penyelidik bidang komunikasi di Universiti Utara Malaysia secara khususnya mengupas isu komunikasi dan sosiobudaya dalam buku ini dari sudut penggunaan bahasa, agama dan juga pengurusan komunikasi.

Perhubungan media merupakan aspek yang penting dalam strategi komunikasi sesebuah organisasi. Dengan demikian, amat kritikal bagi pengamal perhubungan awam untuk membina hubungan yang berkesan dengan personaliti media. Penulisan ini berfokus pada amalan perhubungan media di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada empat isu iaitu polisi organisasi korporat, amalan etika kewartawanan, persepsi editor dan bahan perhubungan media. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis bahan-bahan siaran media yang diterima oleh dua organisasi media iaitu sebuah akhbar harian dan sebuah stesen televisyen. Selain itu, temubual mendalam dilaksanakan untuk menganalisis pendapat para editor akhbar harian, stesen televisyen dan agensi berita mengenai amalan perhubungan media. Analisis menunjukkan para editor media berpegang kepada polisi organisasi dalam urusan perhubungan media dan seakan-akan tidak dipengaruhi oleh pengamal perhubungan awam. Berdasarkan analisis didapati pihak berkuasa politik dan pengiklan mempunyai pengaruh kuat ke atas polisi organisasi korporat yang mungkin memberi kesan pada amalan perhubungan media. Dapatan menunjukkan para editor berpandu kepada kod etika profesional dalam membuat liputan secara adil dan saksama. Walaupun pemberian hadiah oleh pengamal perhubungan awam kepada para editor dilihat sebagai kebiasaan dalam perhubungan media, namun amalan pemberian ini tidak mempengaruhi

keputusan editorial. Analisis juga mendapati para editor mengakui keprofesionalan pengamal perhubungan awam dari segi format dan gaya persembahan bahan siaran media, termasuk kepelbagaian kandungan yang memenuhi jangkaan mereka. Pelbagai faktor mempengaruhi perhubungan media termasuk kurangnya hubungan interpersonal oleh para pengamal perhubungan awam dengan para editor media massa. Oleh itu, hubungan baik perlu dimantapkan dalam usaha memperbaiki liputan aktiviti, dan seterusnya untuk membina kepercayaan publik kepada organisasi.

Undang-Undang dan Tadbir Urus Sumber Manusia (UUM Press)

Kepimpinan Instruksional Dalam Pendidikan Di Malaysia

satu kajian empirikal

resiliensi terhadap perubahan

Mengurus Sekolah

Perkhidmatan awam tidak bermatlamatkan keuntungan tetapi berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat dan memastikan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Justeru, buku ini dihasilkan untuk meningkatkan kefahaman tentang cabaran yang kerajaan hadapi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Konsep kualiti perkhidmatan daripada perspektif moden dan Islam diketengahkan agar pembaca mendapat kefahaman yang lebih

baik.Perkhidmatan awam tidak bermatlamatkan keuntungan tetapi berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat dan memastikan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Justeru, buku ini dihasilkan untuk meningkatkan kefahaman tentang cabaran yang kerajaan hadapi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Konsep kualiti perkhidmatan daripada perspektif moden dan Islam diketengahkan agar pembaca mendapat kefahaman yang lebih baik.

The importance of professional development for teachers cannot be overstated. In recent years there has been much debate on how to raise standards in schools and it is now recognised by theorists, policy-makers and practitioners that the professional development of teachers is an important factor in this context. For professional development co-ordinators and senior management, knowledge and understanding of the nature of professional development roles and human resource management theories will provide a framework for practice. This book includes chapters on: *managing professional development in a human resources context *government policy *initial teacher training *the school development plan *appraisal *middle management *leadership skills. It will be of interest to co-ordinators of professional development in schools and across local education authorities, and to anyone who is part of a school's senior management team.

Malaysia kini sedang berusaha mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju. Untuk itu, pembangunan masyarakat dan ekonomi merupakan antara agenda utama. Galakan penceburan warga negara ke dalam bidang keusahawanan merupakan perkara yang diberi perhatian serius.

Pelbagai usaha sama ada dalam bentuk bantuan kewangan mahupun program serta latihan dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat negara maju. Pelan Tindakan Keusahawanan 2016- 2020 diteruskan malah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 telah dilancarkan. Kesemua ini dilakukan kerana ingin merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Sumbangan sektor perusahaan enterprise, kecil dan sederhana (EKS) terhadap ekonomi negara amat menyerlah. Setiap tahun sektor ini menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan kadar yang tinggi. Selain itu, sektor ini juga membantu meminimumkan masalah pengangguran negara dengan membuka peluang pekerjaan. Ini kerana sektor EKS adalah industri berintensifkan buruh dan bukan berintensifkan modal. Begitu juga dengan tabungan ekonomi negara, kerana kebanyakan modal perniagaan EKS adalah dari simpanan pemilik perniagaan. Sehubungan itu, perusahaan EKS dapat membantu penciptaan pelbagai jenis khidmat, antaranya seperti khidmat latihan dan pendidikan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dalam bidang perniagaan dan penggunaan sumber bahan mentah negara. Oleh itu, buku ini boleh dijadikan rujukan kepada pelajar dalam bidang berkaitan pentadbiran perniagaan dan keusahawanan. Ia juga penting bagi melengkapkan warga negara sama ada yang tamat sekolah menengah mahupun graduan kolej, institut kemahiran, politeknik mahupun universiti dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan. Graduan yang mempelajari bidang pentadbiran perniagaan dan keusahawanan lebih berkeyakinan dan memiliki minat yang tinggi untuk menceburi perusahaan EKS setelah diberi pendedahan dari aspek pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Penekanan diberi kepada sektor EKS kerana ia mudah didaftarkan dan tidak memerlukan modal yang besar.

Atas dasar tersebut, buku ini telah dizahirkan bagi tujuan membantu mengukuhkan pemahaman semua terhadap perkara-perkara asas berkaitan pengurusan EKS.

Hala Tuju Pengurusan - Sumber Manusia & Kerjaya

Pengurusan Modal Insan

Komunikasi dalam Konteks Pembangunan Sosiobudaya (UUM Press)

dimensi budaya dalam pengurusan Malaysia

Kualiti Perkhidmatan Awam menurut Perspektif Islam (Penerbit UM)